



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 57  
No. 4

**14hb Februari 2013**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI PULAU PINANG) 2004

**No. 85.**

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

STATUS TANAH WAKAF DAN HAL-HAL BERKAITAN CADANGAN  
PEMBANGUNAN TANAH WAKAF ABDUL CAUDER DI LOT 208,  
SEKSYEN 2, JALAN MENGGUANG, BANDAR BUTTERWORTH,  
SEBERANG PERAI UTARA

1. Berdasarkan Surat Cara bertarikh 17-8-1992, hasrat Encik Abdul Cauder (Pewakaf) adalah sebagai wakaf am dari segi penggunaan tanah manakala hasil daripada penggunaan tanah tersebut telah ditentukan dan dikhususkan.
2. Perancangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Jabatan Wakaf dan Haji (JAWHAR) untuk membangunkan tanah tersebut secara komersial adalah tidak bercanggah dengan hasrat Pewakaf dan dibenarkan mengikut Hukum Syarak.
3. MAINPP sebagai “Pemegang Amanah Tunggal” semua wakaf hendaklah mematuhi dan melaksanakan kesemua hasrat Pewakaf tersebut.

4. Keputusan ini adalah berdasarkan kaedah:

## شرط الواقف كنص الشارع

Bertarikh 30 Mei 2012

[JMNPP/(S)/19/1101/001(35); PUNPP 352/100/1/2/E-A/1]

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD  
Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Pulau Pinang

اينكمن فتندبيرن آكام إسلام  
(نكري فولاو فينغ) 2004

فتوى دباوه سيكشن 48

قد منجالنكن كواس يغ دبريكن اوليه سبسيكشن 48(3) دان (4) اينكمن فتندبيرن آكام إسلام  
(نكري فولاو فينغ) 2004 [اينكمن 2]، جاوتنكواس فتوى نكري فولاو فينغ اتس فركنن يغ دفترتوان  
آكوغ ممبوات فتوى سقرتي يغ دپاتكن دالم جدوال.

### جدوال

ستاتوس تانه وقف دان حال-حال بركاءيتن چادغن فمباغونن تانه وقف عبد الچاودير د لوت 208،  
سيكشن 2، جالن مگكواغ، باندر بتوروت، سبرغ فرابي اوتارا

1. برداسرکن سورت چارا بر تاريخ 17.8.1992، حسرت انچئ عبد الچاودير (فوقف) اداله  
سيائي وقف عام دري سكي فغكونانن تانه مانا کالا حاصل درفد فغكونانن تانه ترسبوت تله  
دنتونکن دان دخصوصکن.


2. فرانچغن مجلس آكام إسلام نكري فولاو فينغ (MAINPP) دان جابتن وقف دان حاج  
(JAWHAR) اونتوق مباحونکن تانه ترسبوت سچارا کومرسيال اداله تيدق برچچکله دغن  
حسرت فوقف دان دبزنکن مغيکوت حکوم شرع.

3. MAINPP سبأكي "فمكع امانه توغكل" هندقله مما تو هي دان ملقسناكن كسموا حسرت  
ثوقف ترسبوت.

4. كفوتوسن اين اداله برداسركن قاعده:  
شرط الواقف كنص الشارع

بر تاريخ 30 Mei 2012

[JMNP(S)/19/1101/001(35);PUNPP 352/100/1/2/E-A/1]

  
داتو سري حاج حسن بن حاج أحمد  
فغروسى جاوتنكواس فتوى  
نكرى قولوا وثيقع

No. 86.

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [Enakmen 2], Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI STATUS WAKAF DAN HAL-HAL BERKAITAN  
PAJAKAN TANAH WAKAF LOT BARU 3118 (LOT LAMA 202(2)),  
MUKIM 4, SEBERANG PERAI TENGAH

1. Berdasarkan Surat Cara Indentur 7702 bertarikh 30-9-1901, hasrat Seete Aisah binti Haji Mahmood (Pewakaf) adalah sebagai Wakaf Khas.
2. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai "Pemegang Amanah Tunggal" hendaklah mematuhi dan melaksanakan semua hasrat Pewakaf dan huraian dedikasi Pewakaf melalui Indentur, bahawasanya Pewakaf memiliki tanah dan hereditamen yang disebutkan dan diterangkan selepas ini berhajat untuk:

2.1 Memindah dan menempatkan tanah tersebut untuk tujuan "Wakaf Mohamadan";

- 
- 2.2 Mengikut cara yang akan dijelas dan diberitahu melalui surat cara ini mengikut hajat yang dinyatakan sebelum ini iaitu:
    - 2.2.1 Memberi dan menyerahkan kepada:
      - i. Anak lelakinya (Ahamad bin Nordin)
      - ii. Anak-anaknya (Ahamad bin Nordin)
      - iii. Cucu-cucunya
      - iv. Cicit-cicitnya
      - v. Serta keturunan mereka
  - 2.3 Semua tanah yang terletak di hereditamen (kepentingan-kepentingan) yang terletak di Daerah Permatang Pauh, Perai, Seberang Perai yang terdapat di dalam Indentur No. 7702 tahun 1861 yang merupakan Lot 202 Mukim IV Kawasan Tengah yang mengandungi kawasan seluas 10 ekar, 23 pole yang diberi, ditawarkan dan dijual dan dilepaskan kepada saya oleh Seete Aisah secara bayaran.
  - 2.4 Memegang tanah tersebut untuk kegunaan Ahamad bin Nordin, anak-anaknya, cucu-cucunya, cicit-cicitnya, serta keturunan mereka selama-lamanya dan dengan tujuan amanah yang dinyatakan dan diisytiharkan selepas ini berkenaannya, iaitu mempunyai kepentingan di dalam tanah tersebut sebagai Tanah Wakaf Mohamadan buat selama-lamanya.
  - 2.5 Akan mengutip sewa tanah tersebut dan hendaklah sekali dalam setahun dalam bulan Jamadilakhir.
  - 2.6 Mengadakan kenduri arwah untuk arwah suami saya Nordin dan juga kenduri untuk arwah datuk saya Nakhoda Jambang, nenek saya Saedah dan datuk saudara saya Nakhoda Bumbung. Semua kenduri ini hendaklah diadakan sekali dalam bulan puasa Ramadan setiap tahun.
  - 2.7 Membayar tiga (\$3) bersamaan RM300.00 (mengikut nilai semasa dan terkini) untuk sembahyang.
  - 2.8 Ratib di kubur Noordin tiga kali setahun iaitu pertama pada hari kenduri arwah, kedua pada cuti Hari Raya Puasa dan ketiga pada cuti Hari Raya Haji.
  - 2.9 Dan hendaklah membayar dan membekalkan satu tin minyak tanah untuk Masjid Permatang Pauh dalam bulan Ramadan setiap tahun.
  - 2.10 Dan seterusnya hendaklah mengirim ke Mekah tiga (\$3) bersamaan RM300.00 (mengikut nilai semasa dan terkini) setiap tahun dan seterusnya untuk tujuan umrah.

- 2.11 Dan akhirnya semua baki sewa dan pendapatan yang diperolehi seperti dinyatakan sebelum ini yang mana separuh darinya hendaklah digunakan untuk membaiki Masjid Permatang Pauh.
  - 2.12 Jika tiada pembaikan dibuat, hendaklah menghantar wang tersebut ke Mekah untuk tujuan wakaf atau tujuan amal yang lain.
  - 2.13 Dan separuh lagi hendaklah diambil dan digunakan oleh Ahamad serta keturunannya untuk kegunaan dan faedah mereka sendiri.
3. Sekiranya Penerima Pajak berhasrat memperolehi pembiayaan Harga Pajak Harta tersebut, maka Penerima Pajak dan Pemberi Pajak hendaklah memastikan bahawa pembiayaan tersebut adalah melalui pembiayaan Al-Ijarah atau apa-apa cara pembiayaan lain yang diharuskan oleh Hukum Syarak dan diluluskan oleh Pemberi Pajak seperti di bawah:

(a) Kaedah Pajak

MAINPP boleh memberi pajak selama tempoh 99 tahun kepada penerima pajak tanah tersebut. Penerima pajak tanah tersebut akan diikat dengan Perjanjian Pajak dan pembiayaan pinjaman yang ditetapkan hendaklah menggunakan konsep pembiayaan Al-Ijarah. Untuk tujuan ini, Borang 15 A akan digunapakai dalam proses pajak yang dilaksanakan. Selepas 99 tahun, pajak tersebut akan tamat dan tanah tersebut akan dikembalikan semula kepada MAINPP.

(b) Kaedah Pembiayaan Pinjaman

Kaedah pembiayaan pinjaman yang dilaksanakan hendaklah melalui pembiayaan Al-Ijarah atau apa-apa sumber pembiayaan lain yang diharuskan oleh Hukum Syarak dan diluluskan oleh MAINPP. Menurut kaedah ini, institusi kewangan Islam yang dilantik akan memberikan kemudahan pembiayaan pinjaman kepada penerima pajak sebagai kemudahan untuk membayar harga pajak unit kediaman yang diperolehi daripada MAINPP sebagai Pemberi Pajak dalam pembangunan ini bagi melayakkan mereka menduduki unit rumah tersebut. Sebagai sekuriti kepada pinjaman pembiayaan tersebut, pihak institusi kewangan Islam akan mendaftarkan cagar di atas pajak sahaja dan bukannya di atas tanah tersebut.

Bertarikh 30 Mei 2012

[JMNPP/(S)/19/1101/001(35); PUNPP 352/100/1/2/E-A/1]

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD  
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
Pulau Pinang*

اینکمن فنتدبیرن اکام اسلام  
(نکری قولو فینغ) 2004

فتوی دباوه سیکشن 48

قد منجانکن کواس یغ دبیرکن اولیه سو بسیکشن 48 (3) دان (4) اینکمن فنتدبیرن اکام اسلام (نکری قولو فینغ) 2004 [اینکمن 2]، جاد تکواس فتوی نکری قولو فینغ اتس فرکن یغ دفتوان آکوغ ممبوات فتوی سقرتی یغ دپاتاکن دالم جدوال.

### جدوال

فتوی مثنای ستاتوس وقف دان حال- حال برکایتن فاجقن تانه وقف لوت بارو 3118 (لوت لام اصل 202(2))، مقیم 4، سبرغ فرای تشه.

1- بردسرن سورت چارا ایندنتور 7702 بر تاریخ 30.9.1991 حسرة سیتی عایسه بنت حاج محمود (قوقف) اداله سباکای وقف خاص.

2- مجلس اکام اسلام نکری قولو فینغ (MAINPP) سباکای "فمکاغ امانه توغکال" هندقله ماثوهی دان ملقساناکن سما حسرة قوقف دان هوراین دیدیکاسی قوقف ملالوئی ایندنتور، بهاواساٹ قوقف میلیکی تانه دان هیریدتمن یغ دسبوتکن دان دتراعکن سلقس این برحاجة اونتوق:

2.1 مینده دان ممفتکن تانه ترسبوت اونتوق توجوان "وقف محمد".

2.2 مٹیکوت چارا یغ اکن دجلس دان دبیرتاهو ملالوئی سورت چارا این مٹیکوت حاجة یغ دپاتاکن سلوم این یاءیت:

2.2.1 ممبري دان مپرهکن کفد:

i. انق للاکيث ( أحمد بن نوردين )

ii. انق-انقث ( أحمد بن نوردين )

iii. چوچو-چوچوٹ

iv. چيچت-چيچتث

v. سرت کتورونن مريکا

2.3 سمو تانه يڄ ترلتق د هيريدتمن ( کفنتيغن-کفنتيغن ) يڄ ترلتق د  
دأيره فرمانغ فاوه، فراي، سبرغ فراي يڄ ترداقت ددالم ايندنتور  
نومبر 7702 تاهون 1861 يڄ مروفاکن لوت 202 موقيم IV  
کواسان تغه يڄ مروفاکن لوت 202 موقيم IV کواسان تغه يڄ  
مغندوغي کواسان سلواس 10 ايکر، 23 قول يڄ دبري، دتاور  
دان دجوال دان دلشکن کفد ساي اوليه سיתי عيسه سچارا  
بايرن.

2.4 ممکغ تانه ترسبوت اونتوق ککونان أحمد بن نوردين، انق-انقث،  
چوچو-چوچوٹ، چيچت-چيچتث، سرتا کتورونن مريکا

سلاما-لاماٹ دان دغن تجوان امانه يڄ دپاتاکن دان دأشتهارکن  
سلسس اين برکنانث، ياءيت ممقويأي کفنتيغن ددالم تانه ترسبوت  
سباکي تانه وقف حمدا بوات سلاما-لاماٹ.

2.5 اکن مغوتيق سيوا تانه ترسبوت دان هندقله سکالي دالم ستاهون دالم  
بولن جادی الأخير.

2.6 مغاداکن کندوري ارواح اونتوق ارواح سوامي ساي نوردين دان  
جوگ کندوري اونتوق ارواح داتوق ساي نخودا جمباغ، نينق ساي  
سعیده دان داتوق ساودارا ساي نخودا بومبوغ. سمو کندوري اين  
هندقله داداکن سکالي دالم بولن قواس رمضان ستيق تاهون.

- 2.7 مېاير نېك (\$3) برسمان RM 300.00 (مغيكوت نيلاي)  
سماس دان تركيني) اونتوق سمبيغ.
- 2.8 راتب دقبور نوردن تيك كالي ستاهون ياءيت فرتام قد هاري  
كندوري ارواح، كدوا قد چوتي هاري راي ا فواس دان كتيك قد  
چوتي هاري راي حاج.
- 2.9 دان هندقله مېاير دان ممبكلن ساتو تين مييق تانه اونتوق مسجد  
فرماتغ قاوه دالم بولن رمضان ستياق تاهون.
- 2.10 دان ستروسن هندقله مغيريم ككة تيك (\$3) برسمان  
RM 300.00 (مغيكوت نيلاي سماس دان تركيني) ستياق  
تاهون دان ستروسن اونتوق توجوان عمرة.
- 2.11 دان اخيرن سما باكي سيوا دان فنذاقن يغ دفراوليبي سقرتي دپاتاكن  
سبلوم اين يغ مان سفاروه داربث هندقله دكوناكن اونتوق مبابقي  
مسجد فرماتغ قاوه.
- 2.12 جك تباد فمبايقن دبات، هندقله مغانتر واغ ترسبوت ككة اونتوق  
توجوان وقف اتاو توجوان عمل يغ لاءين.
- 2.13 دان سفاروه لايكي هندقله داميل دان دكوناكن اوليه احمد سرتا  
كتوروننت اونتوق ككونان دان فائده مريكا سنديري.
3. سكيراث فزما فاجقن برحسرة مشراوليبي فمبايان هرگ فاجقن هرثا ترسبوت،  
مك فزما فاجقن دان فمبيري فاجقن هندقله مستيكن بهاوا فمبايان ترسبوت اداله  
ملالوئي فمبايان الاجارة اتاو اق-اق چارا فمبايان لايين يغ دهروسكن اوليه  
حكوم شرع دان دلولوسكن اوليه فمبيري فاجقن سقرتي دباوه:-



## (a) قاعده فاجقن

مجلس اڪام اسلام نڪري ڦولاو ڦينڻ بوليہ مبري فاجقن سلام تمڦوه 99 تاهون ڪڏن ڦريما-ڦريما فاجقن تانه ترسبوت. ڦريما-ڦريما فاجقن تانه اڪن دايڪت دغن ڦرجنجن فاجقن دان ڦمبييان ڦينجنم يڻ دتشن هندقله مڱوناڪن ڪونسيق ڦمبييان الاجاره. اوتنوق توجوان


اين، بوراڻ 15 A اڪن دڪونا ڦاڪاي دالم ڦروسيس فاجقن يڻ دلقساناڪن. سلس 99 تاهون، فاجقن ترسبوت اڪن تمت دان تانه ترسبوت اڪن دڪباليڪن سمولا ڪڏن مجلس اڪام اسلام نڪري ڦولاو ڦينڻ.

## (b) قاعده ڦمبييان ڦينجنم

قاعده ڦمبييان ڦينجنم يڻ دلقساناڪن هندقله ملالوي ڦمبييان الاجاره اتاو اڻ-اڻ سومير ڦمبييان لاءين يڻ دهاروسڪن اوليه ڪوم شرع دان دلولوسڪن اوليه مجلس اڪام اسلام نڪري ڦولاو ڦينڻ. منوروت قاعده اين، اينستيتوت ڪاواغن اسلام يڻ دلانتيق اڪن مبريڪن ڪودهن ڦمبييان ڦينجنم ڪڏن ڦريما-ڦريما فاجقن سباڪاي ڪودهن اوتنوق مبيار هرڪ فاجقن اونيت-اونيت ڪديامن يڻ دڦراوليبي درڦد مجلس اڪام اسلام نڪري ڦولاو ڦينڻ سباڪاي مبري فاجقن دالم ڦمباغون اين باڪي ملايقن مريڪ مندودوڪي اونيت-اونيت رومه ترسبوت. سباڪاي سڪوريتي ڪڏن ڦينجنم ڦمبييان ترسبوت مڪ ڦيهق اينستيتوسي ڪواغان اسلام اڪن مندڦرڪن چڪاران دانس فاجقن سهاج دان بوڪنڻ دانس تانه ترسبوت.

برتاريخ 30 Mei 2012

[JMNPP(S)/19/1101/001(35);PUNPP 352/100/1/2/E-A/1]

  
 داٽو سري حاج حسن بن حاج احمد  
 ڦڦروسسي جاوتلڪواس فتوي  
 نڪري ڦولاو ڦينڻ

**No. 87.**

## FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 48(3) dan (4) dan subseksyen 50(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang atas perkenan Yang di-Pertuan Agong membuat fatwa seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

## JADUAL

## FATWA MENGENAI PERINTAH ISTITABAH

1. Seseorang yang diertikan sebagai Islam, tetapi mengamalkan cara hidup bukan Islam seperti menyembah berhala atau telah melaksanakan “*deed poll*” (pengakuan menolak Islam) tidak boleh dihukum sebagai murtad atau disifatkan telah murtad melainkan setelah memperoleh suatu perintah bagi maksud itu daripada Mahkamah Tinggi Syariah.
2. Untuk mengisytiharkan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah terlebih dahulu memerintahkan orang itu untuk menjalani program pemurnian akidah mengikut ketetapan yang akan ditentukan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.
3. Mahkamah Tinggi Syariah, menurut fasal 2, hendaklah menetapkan tempoh program pemurnian akidah mengikut satu tempoh yang dirasakan sesuai dan wajar oleh Mahkamah tetapi tempoh tersebut mestilah tidak kurang daripada 12 kali Majlis.
4. Jika orang itu, setelah menjalani program pemurnian akidah menurut fasal 2 dan 3, telah bertaubat mengikut Hukum Syarak, maka selepas itu Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah membatalkan kes murtad orang itu.
5. Mana-mana orang Islam yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjalani program pemurnian akidah menurut fasal 2 dan 3 namun gagal untuk bertaubat, maka Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menangguhkan kes orang itu dan pada masa yang sama memerintahkan orang itu supaya menjalani program pemurnian akidah yang selanjutnya, mengikut satu tempoh yang dirasakan sesuai dan wajar oleh Mahkamah tetapi tempoh tersebut mestilah tidak kurang daripada 12 kali Majlis.
6. Mana-mana orang Islam yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjalani program pemurnian akidah namun gagal untuk bertaubat setelah tamat tempoh yang diperintahkan di bawah fasal 2, 3 dan 5, maka selepas itu dan tertakluk kepada fasal 7 dan 8, Mahkamah Tinggi Syariah boleh membuat Perintah Interim untuk memerintahkan bahawa orang itu telah murtad dengan syarat bahawa orang tersebut:
  - (a) berakal, tidak sah murtad orang gila;

- 
- (b) baligh, menurut Imam Syafie dan Al-Imam Abu Yusuf, tidak sah kanak-kanak yang mumayyiz;
  - (c) membuat pilihan sendiri atau sukarela, tidak sah murtad orang yang dipaksa.
7. Mahkamah Tinggi Syariah dalam membuat perintah murtad mengikut fasal 6, mestilah juga sebelum membuat Perintah Interim tersebut, memerintahkan mengenai perkara-perkara yang berikut:
    - (a) pembubaran perkahwinan;
    - (b) pembahagian harta sepencarian;
    - (c) hak perwalian;
    - (d) pembahagian harta pusaka; dan
    - (e) hadhanah.
  8. Berkaitan dengan fasal 6, Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menetapkan dan memerintahkan orang yang telah murtad tersebut supaya menjalani satu tempoh Istitabah tidak kurang daripada 12 kali Majlis.
  9. Dalam keadaan bila mana seseorang yang tersebut di fasal 3 dan 5 telah meninggal dunia, maka beliau adalah masih seorang Islam.
  10. Mana-mana orang yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sebagai telah murtad mengikut fasal 6 dan telah menjalani Istitabah mengikut fasal 8, namun gagal untuk bertaubat, Mahkamah Tinggi Syariah boleh membuat perintah muktamad untuk mengisytiharkan bahawa orang itu telah murtad.
  11. Mana-mana orang Islam yang telah diperintahkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah sebagai telah murtad dan dia gagal, ingkar atau enggan untuk bertaubat dalam tempoh Istitabah yang ditetapkan mengikut fasal 8, maka Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah menjatuhkan hukuman berdasarkan hukum Syarak.
  12. Dalam keadaan bila mana seseorang yang telah diperintahkan sebagai murtad oleh Mahkamah Tinggi Syariah mengikut fasal 6 telah meninggal dunia, maka beliau adalah dianggap bukan lagi sebagai seorang Islam.
  13. Adalah haram bagi orang Islam untuk mewakili orang Islam yang ingin murtad.
  14. Orang Islam yang membantu orang Islam yang lain untuk murtad adalah dihukum murtad.

15. Bagi maksud Fatwa ini, "Majlis" adalah merujuk kepada proses runding cara, sesi kaunseling, program motivasi, ziarah dan apa-apa juga program lain yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk memulihkan akidah Islam.
16. Fatwa ini membatalkan Fatwa yang telah diwartakan dalam *Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang* menurut *Warta* Jilid 53, No. 17 bertarikh 13 Ogos 2009.

Bertarikh 30 Mei 2012

[JMNPP/(S)/19/1101/001(35); PUNPP 352/100/1/2/E-A/1]

DATO' SERI HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD  
*Pengerusi Jawatankuasa Fatwa  
 Pulau Pinang*

اینکمن فنتدبیرن اکام اسلام  
 ( نکري فولاو فینغ ) 2004

فتوی د باوه سیکشن 48

قد منجالنکن کواس یغ دبریکن اولیه سوسیکشن 48(3) دان (4) دان سوسیکشن 50(1) اینکمن فنتدبیرن اکام اسلام ( نکري فولاو فینغ ) 2004 [ اینکمن 2 ] جاو سکواس فتوی نکري فولاو فینغ اتس فرکن یغ د فرتوان اکو غ مموات فتوی سفرتي یغ دپاتاکن دالم جدوال.

جدوال

فتوی معنای فرینته ایستیتابه

1 سسأورغ یغ دأرتیکن سبأکاي اسلام، تتافی مغمملکن چارا هیدوش بوکن اسلام سفرتي مېمبه برهالا اتاو تله ملقساناکن "دید قول" ( فثاکوان منولق اسلام ) تیدق بولیه دحکوم سبأکاي مرتد اتاو دصفتکن تله مرتد ملأینکن ستله مفراولیه سواتو فرینته باکي مقصود ایت درقد محکمه تیغکي شریعة.

2 اونتوق مغيشتهارکن بهاوا سسأورغ ایت بوکن لاکي اورغ اسلام، محکمه تیغکي شریعة هندقله ترلیه دهولو ممرینتھکن اورغ ایت اونتوق منجالني فرورگرام فمورنییان عقیده مغيکوت کتشن یغ اکن دتنتوکن دري سساس کساس اولیه فیهق برکواس اکام اسلام نکري.

3 محكمه تيغكي شريعة، منوروت فصل 2، هندقله منتشكن تيمشوه فروكرم قومورنيان عقيدة مغيكوت ساتو تيمشوه يغ دراساكن سسواي دان واجر اوليه محكمه تناثي تيمشوه ترسبوت مستيله تيدق كوراغ درقد 12 كالي مجلس.

4 جك اورغ ايت، ستله منجالني فروكرم قومورنيان عقيدة منوروت فصل 2 دان 3، تله برتوبه مغيكوت حكوم شرع، مك سلس ايت محكمه تيغكي شريعة هندقله مبطلكن كيس مرتد اورغ ايت.

5 مان-مان اورغ اسلام يغ تله دفرينتهكن اوليه محكمه تيغكي شريعة اونتوق منجالني فروكرام قومورنيان عقيدة منوروت فصل 2 دان 3 نامون كاكل اونتوق برتوبه، مك محكمه تيغكي شريعة هندقله منغكوهكن كيس اورغ ايت، دان قد ماس يغ سام مريتهكن اورغ ايت سوفاي منجالني فروكرام قومورنيان عقيدة يغ سلنجوتپ، مغيكوت ساتو تيمشوه يغ دراساكن سسواي دان واجر اوليه محكمه تناثي تيمشوه ترسبوت مستيله تيدق كوراغ درقد 12 كالي مجلس.

6 مان-مان اورغ اسلام يغ تله د فرينتهكن اوليه محكمه تيغكي شريعة اونتوق منجالني فروكرام قومورنين عقيدة نامون كاكل اونتوق برتوبه ستله تمت تيمشوه يغ دفرينتهكن د باوه فاسا2، 3 دان 5، مك سلس ايت دان ترتعلق كهد فصل 7 دان 8، محكمه تيغكي شريعة بوليه مموات فرينته اينتريم اونتوق مريتهكن بهاوا اورغ ايت تله مرتد دغن شرط بهاوا اورغ ترسبوت:

(a) برعقل، تيدق صح مرتد اورغ كيلا؛

(b) بالغ، منوروت امام شافعي دان امام ابو يوسف، تيدق صح مرتد كاتق-كاتق

موميز؛

(c) مموات فيلين سنديري اتاو سوكاريل، تيدق صح مرتد اورغ يغ دقتسا.

7 محكمه تيغكي شريعة دالم مموات فرينته مرتد مغيكوت فصل 6، مستيله جوك سلوم مموات فرينته اينتريم ترسبوت، مريتهكن مثناي فركارا-فركارا بريكوت:


(a) فمبورن فركهوين؛

- (b) قمهاكين هرتا سفنچارين؛
- (c) حق فروالين؛
- (d) قمهاكين هرتا فوساكا؛ دان
- (e) حضانه.
- 8 برکاءيتن دغن فصل 6 د اتس، محکمه تيغکي شرعية هندقله منتشکن دان مرينتهکن اورغ يغ تله مرتد ترسبوت سوقاي منجالني ساتو تيمقوه ايستيتابه تيدق کورغ درغد 12 کالي مجلس.
- 9 دالم کادان بيلا مان سساوراغ يغ ترسبوت د فصل 3 دان 5 تله منيغکل دنيا، مک بلياو اداله ماسيه ساورغ اسلام.
- 10 مان-مان اورغ يغ تله دفتوسکن اوليه محکمه تيغکي شرعية سباکاي تله مرتد مغيکوت فصل 6 دان تله منجالاني ايستيتابه مغيکوت فصل 8، نامون کاکل اونتوق برتوبه، محکمه تيغکي شرعية بوليه ممبوات فرينته معمد اونتوق مغيشتهارکن بهاوا اورغ ايت تله مرتد.
- 11 مان-مان اورغ اسلام يغ تله دفرينتهکن اوليه محکمه تيغکي شرعية سباکاي تله مرتد دان دي کاکل، ايغکر اتاو اغکن اونتوق برتوبه دالم تيمقوه ايستيتابه يغ دنتشکن مغيکوت فصل 8، مک محکمه تيغکي شرعية هندقله منجاتوهکن حکومن برداسرکن حکومن شرع.
- 12 دالم کادان بيلا مان سساوراغ يغ تله دفرينته سباکاي مرتد اوليه محکمه تيغکي شرعية مغيکوت فصل 6 تله منيغکل دنيا، مک بلياو اداله داغکق بوکن لاکي سباکاي اورغ اسلام.
- 13 اداله حرام باکي اورغ اسلام اونتوق مواکلي اورغ اسلام يغ ايئين مرتد.

- 14 اورغ إسلام یغ ممبتو اورغ إسلام یغ لاین اونتوق مرتد اداله دحکوم مرتد.
- 15 باکي مقصود فتوی این، "مجلس" اداله مروجوغ کهد فروسیسی روندیغ چارا، سیسی کاونسلیغ، فروکرم موتیواسی، زیاره، دان اق- اق فروکرام لاین یغ دانجورکن اولیه فیهق برکواس اکام نکری قولاو فیهق برتوجوان اونتوق مولیهکن عقیده إسلام.
- 16 فتوی این مبطلکن فتوی یغ تله دورتاکن دالم ورتا کراجان نکری قولاو فیهق منوروت ورتا جیلید 53، نومبر: 17 بر تاریخ 13 اوکوس 2009.

بر تاریخ 30 Mei 2012

[JMNPP(S)/19/1101/001(35);PUNPP 352/100/1/2/E-A/1]

  
 داتو سري حاج حسن بن حاج أحمد  
 فخروسي جاوتنکواس فتوی  
 نکری قولاو فیهق

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
 CAWANGAN ALOR SETAR  
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA